

PENGARUH PERSEKITARAN BAHASA TERHADAP PENGUASAAN KOSA KATA ARAB PELAJAR

Khairulaizam ABDUL RAHMAN¹
Harun BAHARUDIN*²

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

¹mr.aizam1010@gmail.com

²harunbaharudin@ukm.edu.my

Manuscript received 30 January 2023

Manuscript accepted 20 June 2023

**Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.5374.2023>

ABSTRAK

Faktor persekitaran berupaya menatijahkan peningkatan pencapaian pelajar dalam memahami isi pembelajaran serta dapat meningkatkan tahap penguasaan kosa kata. Kajian ini bertujuan melihat pengaruh persekitaran bahasa terhadap penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Agama Menengah (SAM) di Selangor. Kajian ini dikendalikan dalam bentuk kaedah tinjauan melibatkan 23 buah SAM dengan sampel seramai 335 orang daripada populasi seramai 2,653 orang pelajar. Analisis inferens digunakan untuk menganalisis data melibatkan ujian Korelasi Pearson dan Regresi Linear Berganda. Hasil dapatan menunjukkan bahawa persekitaran bahasa Arab (dimensi kesepaduan pelajar, penglibatan pelajar dan sikap pelajar berorientasikan tugasan) secara signifikannya memberi sumbangan terhadap penguasaan kosa kata Arab pelajar, dengan peratus varian sebanyak 31%. Dalam hal ini, dimensi kesepaduan pelajar merupakan penyumbang terbesar, iaitu sebanyak 8.57%. Kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan ruang persekitaran pembelajaran perlu diperkasa melalui interaksi aktif sesama pelajar dan menambah baik sokongan guru supaya kestabilan ruang persekitaran pembelajaran bahasa dapat dibentuk.

Kata Kunci: persekitaran bahasa; kosa kata Arab; teori ekologi; teori sosiobudaya; pelajar sekolah agama

THE INFLUENCE OF LANGUAGE ENVIRONMENT ON STUDENTS' ARABIC VOCABULARY PROFICIENCY

ABSTRACT

Environmental factors can increase students' achievement in understanding learning content and can increase the level of vocabulary mastery. This study aims to identify the influence of the Arabic language environment on the proficiency level of Arabic vocabulary among students from the Selangor State Secondary Religious School (SAM). This study involved 23 SAMs in Selangor and 335 people from a population of 2,653 students. Inferential analysis was used to analyse the data involving Pearson Correlation and Multiple Linear Regression tests. The results show that the dimensions of the Arabic environment (dimension of student cohesion, student involvement and task-oriented student attitude) significantly contribute to students' Arabic vocabulary proficiency. The contribution accounts for 31.0% of the variance to the students' proficiency of Arabic vocabulary, of which student cohesion is the largest contributor (8.57%). This study shows that the formation of the learning environment space needs to be strengthened through active interaction among students and improving teacher support so that the stability of the language learning environment space is formed.

Keywords: *language environment; Arabic vocabulary; ecological theory; sociocultural theory; religious school student*

Pengenalan

Penguasaan kosa kata merupakan aspek utama yang dinilai dalam mengukur penguasaan bahasa asing seseorang individu. Bahkan kosa kata menjadi elemen penting yang dapat mempengaruhi kemampuan berbahasa (Fatdha & Wahyuni, 2018). Status mata pelajaran bahasa Arab di Malaysia dikenali sebagai bahasa asing atau bahasa ketiga (B3) sepertimana bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Jerman, dan bahasa Mandarin. Status bahasa Arab ini dinyatakan dengan jelas dalam Akta Pendidikan 1996 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Isu pembelajaran bahasa asing dibelenggu dengan permasalahan seperti kekurangan bahan material pembelajaran, kesesuaian buku teks, kekurangan kepakaran guru, persekitaran bahasa yang kurang kondusif, keterlibatan pelajar yang tidak optimum dan lemah penguasaan kosa kata serta masih menggunakan metod nahu terjemahan (Che Mat & Goh, 2010; Rosli et al., 2022). Proses pembelajaran dan penguasaan B3 memerlukan masa dan tempoh yang panjang, banyak input bahasa dan interaksi komunikasi serta persekitaran pembelajaran yang aktif (Blake, 2008).

Dalam isu pembelajaran bahasa asing, kerap berlaku pelajar tidak mempunyai ruang untuk berkomunikasi (Ballman et al., 2001) serta dibelenggu persekitaran bahasa yang terhad (Ng & Wan Mohammad, 2019; Rosli et al., 2022). Pembelajaran tatabahasa masih terikat dengan pendekatan struktural (VanPatten & Benati, 2015). Faktor-faktor ini menyebabkan keterlibatan pelajar dalam sesi

komunikasi di dalam kelas tidak dapat dioptimumkan akibat ruang komunikasi dan persekitaran bahasa yang terhad (Kataw, 2016; Ryding, 2013).

Penyelidikan mengenai persekitaran bahasa dengan fokus kepada pembelajaran kosa kata Arab dilihat masih kurang dilaksanakan. Kenyataan ini dibuktikan menerusi tinjauan ke atas kajian-kajian lepas dari beberapa penulisan sarjana dalam bidang pendidikan bahasa Arab yang kurang menyentuh aspek persekitaran bahasa dalam pembelajaran kosa kata Arab. Rentetan daripada kekurangan yang dilihat ini mengakibatkan penerokaan terhadap aspek penguasaan kosa kata Arab berjalan dengan agak perlahan kerana dapatan kajian yang terhad dan data tidak mencukupi (Baharudin, 2014). Masalah daripada ketidaksempurnaan sokongan persekitaran bahasa menjadikan pelajar kurang berbahasa Arab sehingga menyebabkan penguasaan bahasa mereka tidak memuaskan (Muhd Zulkifli et al., 2019). Faktor kedudukan bahasa Arab yang dikira sebagai B3 juga menjadikan sokongan persekitarannya tidak sesuai berbanding bahasa antarabangsa semisal bahasa Inggeris (Yusof et al., 2019). Dimensi persekitaran bahasa Arab dalam kajian ini merujuk kepada aspek kesepaduan pelajar, sokongan guru, penglibatan pelajar, sikap pelajar berorientasikan tugas, kerjasama yang wujud antara pelajar, dan layanan adil guru. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan dan sumbangan persekitaran bahasa Arab dan penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar tingkatan empat Sekolah Agama Menengah di Selangor.

Sorotan Literatur

Persekitaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Sokongan persekitaran memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar yang mempunyai keseimbangan dari sudut akademik mahupun emosi (Sidik et al., 2018). Kajian Ahmid et al. (2018) menjelaskan terdapat beberapa faktor yang berpotensi memberikan pengaruh terhadap pembelajaran pelajar seperti faktor persekitaran, matlamat belajar serta kemampuan kognitif. Pernyataan ini selari dengan teori sistem ekologi yang asasnya terletak kepada pertalian hubungan antara individu dan persekitarannya (Bronfenbrenner, 1992). Faktor persekitaran berupaya menajihkan peningkatan pencapaian pelajar dalam memahami isi pembelajaran serta dapat meningkatkan tahap penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar. Kajian Abu Hasim et al. (2020) misalnya mencadangkan penggunaan aspek persekitaran sebagai teknik bagi membantu pelajar menguasai kosa kata sesuatu bahasa. Cadangan tersebut disokong oleh Aflisia dan Harahap (2019) dengan mengaitkan pemerolehan bahasa menerusi teknik pembelajaran bahasa yang inovatif dan pelbagai, antaranya termasuklah melalui pembentukan persekitaran bahasa. Kajian Yusof et al. (2019) juga menyokong bahawa perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh interaksi dua hala yang terhasil dalam jiwa kanak-kanak dalam dunia di sekelilingnya. Kajian Sidik et al. (2018) juga mengukuhkan lagi Teori Sistem Ekologi dengan menyatakan bahawa sokongan persekitaran dan penglibatan pelajar dalam aktiviti dapat meningkatkan serta memantapkan kemahiran insaniah yang terdapat dalam jiwa mereka.

Pengkaji-pengkaji lepas telah mengkaji serta meneroka persekitaran bahasa Arab. Kajian Jenita (2021) misalnya menunjukkan bahawa perubahan persekitaran pembelajaran bahasa Arab memungkinkan perubahan kepada kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Perubahan tersebut membuktikan bahawa ekologi budaya setempat mempengaruhi perkembangan dan pencapaian individu. Pandangan ini selari dengan kajian Shobirin (2021) yang mendapati terdapat pengaruh yang signifikan antara persekitaran berbahasa dengan kemahiran bertutur bahasa Arab.

Selain itu, bahan bantu diperlukan bagi seorang pendidik mahupun pelajar dalam mempelbagaikan kaedah untuk berinteraksi atau berkomunikasi menggunakan bahasa tertentu, antaranya persekitaran bahasa. Peranan persekitaran bahasa adalah penting dalam membantu meningkatkan keberhasilan dalam pelajaran bahasa Arab dan pemerolehan bahasa kedua (Nurlaila, 2021). Persekitaran bahasa merupakan bahan pembelajaran yang sering digunakan oleh pendidik di sekolah. Dapatan kajian beliau menunjukkan kesan pembentukan *bi'ah lughawiyyah* berupaya mengubah kemampuan pelajar untuk berbicara secara lancar, membantu pengucapan makhraj huruf yang tepat serta penambahan *mufradat* yang mencukupi. Menurut Yusof (2018), persekitaran bahasa yang merangkumi persekitaran psikososial yang baik dapat mempengaruhi perkembangan bahasa individu. Ia selaras dengan teori sosiobudaya yang menekankan peranan interaksi sosial dalam perkembangan kognitif (Vygotsky & Cole, 1978).

Kajian Warseto et al. (2019) menyokong bahawa persekitaran bahasa Arab terbentuk melalui persekitaran sekeliling, meliputi keluarga, sekolah mahupun masyarakat. Persekitaran yang bagus untuk mempelajari bahasa Arab adalah melalui pembelajaran aktiviti interaksi dalam aktiviti seharian. Hal ini dinyatakan demikian kerana bahasa memainkan dua peranan dalam perkembangan kognitif, iaitu orang dewasa menyebarkan maklumat kepada pelajar dan bahasa menjadi alat kepada perkembangan intelek (McLeod et al., 2019). Proses pembelajaran, terutamanya mengingat kosa kata lazimnya berasaskan pengalaman yang pelajar peroleh melalui aktiviti dan situasi persekitaran semasa berinteraksi.

Nahar dan Abd. Rahman (2018) pula mencadangkan agar persekitaran bahasa dibentuk dan dicipta dengan menggunakan kepelbagaian aktiviti yang melibatkan bahasa kedua, serta mencadangkan agar pelajar diberikan sokongan dan galakan untuk berusaha sendiri dalam menguasai kemahiran berkomunikasi. Tujuan mewujudkan persekitaran bahasa, terutamanya komponen psikososial, komponen fizikal dan sikap pelajar memberikan kesan positif terhadap pencapaian pelajar di dalam kelas Bahasa Arab di institut pengajian tinggi, selain meningkatkan kemampuan mahasiswa berbahasa Arab secara aktif, baik dari segi lisan mahupun tulisan sehingga proses pembelajaran menjadi lebih mudah dan dinamik (Shidqi & Mudinillah, 2021).

Kosa Kata

Pengajaran dan pembelajaran kosa kata merupakan asas utama dan langkah pertama dalam pembelajaran bahasa kedua mahupun bahasa asing yang lain (Al Naqah, 1985; Toiemah, 1989). Kajian Wulandari (2021) menjelaskan bahawa fungsi kosa kata menjadikan masyarakat dapat memberikan pandangan dan idea mereka

melalui penggunaan dan pengetahuan kosa kata. Hal ini menjelaskan bahawa kosa kata merupakan perantara bagi seseorang untuk menonjolkan cara mereka berfikir. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata mempengaruhi kebolehan individu menguasai bahasa (Baharudin et al., 2017). Secara tuntas, kecekapan dalam berbahasa sangat berkait rapat dengan penguasaan kosa kata yang banyak dan difahami maknanya (Baharudin & Ismail, 2016; Maskor & Baharudin, 2020). Dalam kajian ini, aspek kosa kata yang dibincangkan merujuk kepada Model Kebolehan Kosa Kata Chapelle (1994) yang merangkumi penguasaan saiz kosa kata dan juga kedalaman kosa kata.

Saiz dan Kedalaman Kosa Kata

Dalam pembelajaran sesuatu bahasa, kejayaan seseorang menguasai sesuatu bahasa dilihat berdasarkan penguasaan mereka terhadap kuantiti dan pengetahuan yang mendalam terhadap kosa kata (Ngalawi & Zainal, 2020). Menurut Baharudin et al. (2017) dan Nation (2001), saiz kosa kata merupakan jumlah perkataan yang pelajar miliki untuk menjadi kayu pengukur kepada penguasaan sesuatu bahasa serta cara pelajar menggunakan perkataan yang dimiliki berdasarkan situasi semasa. Aspek saiz ini penting dalam pemilihan strategi pembelajaran yang sesuai berdasarkan tahap kemampuan pelajar. Jumlah penguasaan kosa kata yang terhad dan tidak mencukupi adalah tidak sesuai untuk pelajar menggunakan teknik meneka makna perkataan berdasarkan konteks ayat, terutamanya melibatkan kemahiran bertutur dan menulis (Husain & Mohamad, 2020).

Kedalaman kosa kata pula merujuk kepada pengetahuan seseorang terhadap satu-satu kosa kata yang dimiliki. Menurut Palmberg (1987), kedalaman kosa kata merupakan kesinambungan tahap pengetahuan yang progresif dalam pembelajaran kosa kata. Menurut Schmitt (2014) dan Wahab et al. (2021) pula, aspek saiz dan kedalaman merupakan dua elemen penting dalam pembelajaran bahasa, dan saling berkaitan. Wahab et al. (2021) menyatakan konsep kedalaman secara asasnya merujuk kepada aspek kualiti seseorang itu memanfaatkan jumlah penguasaan kosa kata yang dimiliki dengan baik dan pada situasi yang tepat. Schmitt (2014) pula menyatakan bahawa konsep kedalaman kosa kata adalah sesuatu yang kompleks dan bersifat luas sehingga sukar untuk dibuat penilaian.

Hubungan Persekitaran Bahasa Arab dan Penguasaan Kosa Kata Arab

Kajian yang dijalankan oleh Noor Su'adah dan Zalinah (2013) menjelaskan bahawa pelajar akan memperoleh kejayaan sekiranya mereka menerima sokongan yang berterusan, panduan, galakan, dan motivasi melalui persekitaran, terutamanya daripada individu di sekeliling mereka. Dimensi awal yang diukur dalam persekitaran bahasa ialah kesepaduan pelajar. Hubungan sosial yang berlaku antara pelajar, guru dan bahan pembelajaran terkandung dalam persekitaran pembelajaran bahasa. Kajian Abdul dan Maat (2019) menyatakan persekitaran pembelajaran bahasa melalui jalinan hubungan sosial mempengaruhi pencapaian pelajar dari sudut kognitif dan juga metakognitif. Hubungan sosial yang dimaksudkan ialah kesepaduan yang melibatkan proses penyatuan pelbagai aspek, merangkumi aspek fizikal, sosial

dan ekonomi (Chee & Abdullah, 2021). Sebagai usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar, ruang persekitaran pembelajaran harus melibatkan pelbagai aspek. Aspek tersebut merangkumi kepentingan interaksi pelajar sesama pelajar dan maklum balas semasa sesi pembelajaran berlangsung (Abdul & Maat, 2019; Dorman & Fraser, 2009).

Dimensi persekitaran bahasa yang kedua merujuk kepada sokongan guru. Kajian Ahmad et al. (2018) menyatakan kepercayaan motivasi dapat ditingkatkan menerusi hubungan interaksi dan komunikasi yang berlaku antara guru dengan pelajar meskipun tidak secara menyeluruh. Kualiti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan dinilai berdasarkan tahap penglibatan pelajar secara menyeluruh serta keupayaan guru dalam mengawal sesi pembelajaran mereka (Carrol, 1989; Gage & Berliner, 1984; Slavin, 1987). Teori Vygotsky menegaskan pengaruh sosiobudaya memainkan peranan penting dan sebagai salah satu strategi mempelajari bahasa.

Dimensi persekitaran seterusnya menyentuh tentang aspek penglibatan pelajar yang merujuk kepada maklum balas atau reaksi pelajar terhadap guru, rakan dan sekolah yang memberikan pengaruh kepada kesediaan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan di sekolah (Mohd Ayub et al., 2018). Kajian Sidik et al. (2018) dan Lei et al. (2018) menjelaskan bahawa antara faktor penting yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ialah penglibatan pelajar secara aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan akan membentuk satu ruang dan sebuah hubungan sosial yang memberikan kesan secara tidak langsung terhadap pembelajaran dan penguasaan bahasa. Selain itu, penglibatan pelajar juga dianggap sebagai sebuah sokongan tenaga yang diserap secara fizikal dan psikologi. Penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran akan memberikan penambahan ilmu pengetahuan serta pengalaman berharga berbanding pelajar yang pasif.

Di samping itu, sikap pelajar terhadap tugas turut terangkum dalam dimensi persekitaran bahasa yang menuntut pelajar untuk memiliki keyakinan yang tinggi dan mempunyai strategi pembelajaran sendiri. Strategi yang mereka gunakan perlu bersesuaian dengan konteks sebuah negara bukan penutur jati bagi bahasa Arab. Sikap pelajar terhadap tugas dalam kajian ini merujuk kepada tanggungjawab pelajar dalam menyempurnakan amanah dan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka di sekolah. Tanggungjawab pelajar adalah untuk menyempurnakan setiap tugas yang diberikan. Namun begitu, bagi mengekalkan sikap tanggungjawab yang wujud dalam jiwa seorang pelajar itu secara berterusan, tugas yang diberikan kepada pelajar dicadangkan dalam bentuk yang tidak membebankan mereka (Yusof, 2018). Hal ini berkait dengan sikap dan tingkah laku sebagai kunci utama dalam pembelajaran bahasa (Ahmed et al., 2021; Anwar, 2017).

Kerjasama antara pelajar juga merupakan dimensi persekitaran bahasa, iaitu merujuk kepada sokongan dan hubungan yang terhasil antara pelajar sewaktu aktiviti pembelajaran bahasa. Menurut Kusuma (2018), kerjasama yang berlaku melibatkan tugas berkumpulan antara pelajar. Melalui kerjasama yang berlangsung, kata putus akan dapat dinyatakan berdasarkan kesepakatan dan

perbezaan pendapat dalam tugas kumpulan tersebut. Dalam teori sosiobudaya, kebolehan pelajar menyelesaikan masalah, memperoleh nilai kebudayaan dan kepercayaan adalah melalui kerjasama individu berpengalaman melibatkan persekitaran sekeliling (McLeod et al., 2019). Masalah yang dihadapi oleh pelajar akan dapat diselesaikan sekiranya pelajar mengamalkan jalinan dan hubungan kerjasama sesama mereka (Che Ahmad, 2011).

Dimensi terakhir yang dinilai dan diukur dalam persekitaran bahasa ialah aspek layanan adil daripada guru. Kajian Wibowo dan Farnisa (2018) menjelaskan bahawa guru berperanan memberikan layanan pendidikan yang mutlak terhadap para pelajarnya. Kesan layanan tersebut akan memberikan pengaruh pada setiap aspek dalam kehidupan pelajar merangkumi sosial, budaya mahupun ekonomi. Namun begitu, guru yang tidak memberikan layanan yang adil terhadap para pelajar akan menjadikan para pelajarnya kurang berminat untuk belajar (Vellymalay, 2016).

Pengaruh Persekitaran Bahasa Arab terhadap Penguasaan Kos Kata Arab

Aspek kesepaduan pelajar dan sokongan guru memberikan kesan yang positif bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Dorman & Fraser, 2009). Fraser (2008) menjelaskan pengetahuan pelajar yang saling menyokong semasa pembelajaran di dalam kelas dapat dibentuk. Kajian Sidik et al. (2019) menunjukkan bahawa persekitaran yang melibatkan sokongan guru berjaya merangsang motivasi pelajar untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti kelas, sekali gus mengurangkan tingkah laku negatif pelajar. Dapatan kajian Sidik et al. (2018) pula menyatakan bahawa faktor sokongan persekitaran seperti guru merupakan penyumbang positif kepada pembangunan diri pelajar dan meningkatkan motivasi mereka semasa belajar. Aspek yang paling berkesan dalam menentukan pencapaian dan kejayaan sesebuah sekolah juga adalah melalui sokongan pelaksana, iaitu guru (Bakar et al., 2015). Guy Evans (2020) turut menjelaskan bahawa kekuatan sistem ekologi dalam pendidikan berkait rapat dengan interaksi dan kerjasama yang baik antara guru dengan ibu bapa agar pelajar memperoleh faedah dan manfaatnya. Hal ini sejajar dengan pandangan Lippard et al. (2017) yang mendapati hubungan yang terjalin antara guru dengan pelajar memberikan pengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar dan juga tingkah laku mereka di dalam kelas.

Zakaria et al. (2019) menyatakan bahawa terdapat perubahan terhadap kemampuan pelajar ketika melontarkan pandangan dan idea. Perubahan tersebut berpunca daripada faktor peniruan dan pemerhatian mereka terhadap golongan berpengaruh seperti guru yang mempunyai pengalaman dan berpengetahuan luas dalam melaksanakan tugas. Pandangan ini disokong oleh Febriani (2020) yang menegaskan bahawa persekitaran memainkan peranan penting dan menjadi faktor penentu kepada pemerolehan bahasa serta pembentukan kemahiran pelajar dalam menguasai bahasa dengan betul.

Pengaruh seterusnya adalah melalui aspek sikap pelajar yang berperanan penting dalam pembelajaran bahasa (Ahmed et al., 2021; Anwar, 2017). Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab pelajar untuk membentuk keyakinan diri dan merancang strategi pembelajaran bahasa yang sistematik,


bersesuaian dengan konteks sebuah negara bukan penutur jati bahasa Arab bagi mendepani segala cabaran dalam pembelajaran bahasa.

Kerangka Teoritikal

Kajian ini berasaskan kepada Model Persekitaran Pembelajaran Bilik Darjah oleh Fraser (1991) yang didasari oleh gabungan dua teori, iaitu Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner dan Teori Sosiobudaya Vygotsky. Teori-teori ini menyentuh tentang penglibatan persekitaran bahasa yang secara jelas mempengaruhi perkembangan pelajar dari sudut kognitif dan intelektual. Aspek-aspek lain seperti rangsangan, interaksi sosial dan budaya juga mempengaruhi perkembangan dan pencapaian pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Kajian ini juga didasari oleh Model Kebolehan Kosa Kata Chapelle (1994) sebagai pemboleh ubah penguasaan kosa kata yang merangkumi saiz dan kedalaman kosa kata. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.

Rajah 1

Kerangka Konseptual berdasarkan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner, Teori Sosiobudaya Vygotsky yang mendasari Model Persekitaran Pembelajaran Bilik Darjah (Fraser, 1991) dan Model Kebolehan Kosa Kata Chapelle (1994)



Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah secara tinjauan. Fokus kajian hanya pada aspek persekitaran bahasa Arab (kesepaduan pelajar, penglibatan pelajar, sokongan guru, sikap pelajar berorientasikan tugas, kerjasama antara pelajar, dan layanan adil guru) dan penguasaan kosa kata Arab (saiz dan kedalaman) sahaja. Data kuantitatif diperoleh melalui edaran borang soal selidik yang dihantar melalui perkongsian *link google form* untuk disebarluaskan kepada semua responden terlibat.


Populasi dan Sampel Kajian

Gay dan Airasian (2003) menjelaskan bahawa pemilihan sampel dilakukan supaya responden yang terlibat dapat mewakili kumpulan populasi dalam kalangan mereka. Dalam kajian ini, jumlah populasi pelajar tingkatan empat di Sekolah Agama Menengah (SAM) negeri Selangor yang terlibat adalah seramai 2,653 orang pelajar, membabitkan 23 buah SAM dari sembilan daerah. Dengan merujuk kepada formula dan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 335 orang pelajar. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan strata berkadar sebagai penentuan kepada pemilihan sampel kajian. Peratusan pemilihan sampel kajian bagi setiap daerah yang terlibat diperoleh selepas proses pembahagian jumlah populasi dalam setiap daerah kepada jumlah sebenar populasi keseluruhan pelajar. Kajian ini juga mematuhi prosedur pemerolehan data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan mendapat kelulusan daripada KPM pada 29 Mac 2022 (Rujukan: KPM.600-3/2/3-eras (122254).

Rajah 1 menunjukkan bilangan responden pelajar mata pelajaran Bahasa Arab tingkatan empat SAM di negeri Selangor yang terlibat sebagai sampel kajian.

Rajah 1

Bilangan Responden Kajian Setiap Daerah Negeri Selangor Mengikut Frekuensi



Merujuk kepada Rajah 1, terdapat sembilan buah daerah yang terlibat dalam kajian ini. Sampel dari daerah Sabak Bernam memberikan nilai kekerapan dan peratusan tertinggi, iaitu 74 orang pelajar (22%) kerana bilangan sekolah dan populasi daerah tersebut yang paling ramai. Nilai kekerapan kedua tertinggi adalah sebanyak 54 orang pelajar (16%) yang berada di daerah Klang, manakala daerah lain menunjukkan julat sampel pada lingkungan 6-37 orang pelajar.

Instrumen Kajian

Jumlah keseluruhan item soal selidik adalah sebanyak 91 item, yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu demografi (6), persekitaran bahasa (48) dan ujian penguasaan kosa kata Arab (37). Instrumen kajian bagi Bahagian B diadaptasi daripada Fraser (1998) yang bertajuk *What Is Happening in This Class?* (WIHIC) dan diterjemahkan oleh Yusof (2018) ke dalam bahasa Melayu, manakala instrumen bagi Bahagian C diadaptasi daripada kajian Maskor dan Baharudin (2020) bagi menguji penguasaan kosa kata Arab pelajar. Beberapa item pada Bahagian B telah diubah suai oleh pengkaji sesuai dengan persoalan kajian dan persekitaran pelajar.

Seterusnya, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen telah dilaksanakan bagi menguji ketekalan dan keabsahan instrumen sebelum pelaksanaan kajian rintis dan kajian sebenar dapat dijalankan. Aspek kesahan ini ialah kesahan kandungan item yang melibatkan tiga orang pakar kesahan dari Institut Pendidikan Guru (IPG). Dapatan nilai pelaksanaan ujian *Alpha Cronbach* ialah 0.96, menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai *Cohen Kappa* pula ialah 0.83, menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang cemerlang. Setelah semua data diperolehi, data dimasukkan ke dalam perisian SPSS versi 27 dan dikodkan berdasarkan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Data seterusnya dianalisis menggunakan ujian statistik *Korelasi Pearson* dan Regresi Linear Berganda setelah semua ujian kenormalan data dipenuhi.

Dapatan dan Perbincangan

Hubungan Persekitaran Bahasa Arab dengan Penguasaan Kosa Kata Arab

Dalam kajian ini, persekitaran bahasa Arab diukur berdasarkan enam dimensi persekitaran psikososial, iaitu kesepaduan pelajar, sokongan guru, penglibatan pelajar, sikap pelajar berorientasikan tugas, kerjasama antara pelajar, dan layanan adil guru, manakala penguasaan kosa kata diukur berdasarkan saiz dan kedalaman. Data dianalisis secara inferens dengan menggunakan ujian statistik *Korelasi Pearson* setelah semua andaian dan syarat kenormalan data dipenuhi. Hasil kajian didapati berjaya merungkai persoalan kajian ini. Jadual 1 menunjukkan dapatan mengenai hubungan persekitaran bahasa Arab dan penguasaan kosa kata Arab, manakala Jadual 2 memaparkan interpretasi nilai pekali korelasi.

Jadual 1

Hubungan Antara Persekitaran Bahasa Arab dan Penguasaan Kosa Kata Arab

Hubungan	Penguasaan Kosa Kata r	Sig	Interpretasi
Kesepaduan pelajar	0.491	.001	Sederhana
Sokongan guru	0.389	.001	Sederhana
Penglibatan pelajar	0.475	.001	Sederhana

Sikap pelajar berorientasikan tugas	0.479	.001	Sederhana
Kerjasama antara pelajar	0.489	.001	Sederhana
Layanan adil guru	0.436	.001	Sederhana
Persekitaran Bahasa	0.547	.001	Sederhana

Jadual 2

Interpretasi Nilai Pekali Korelasi

Nilai Pekali Korelasi	Interpretasi Korelasi
0.71-1.00	Kuat
0.30-0.69	Sederhana
0.00-0.29	Lemah

Sumber: Jackson (2012)

Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif pada kekuatan sederhana keseluruhannya antara persekitaran bahasa Arab dan penguasaan kosa kata Arab, iaitu dengan nilai $r=0.547$ ($p<.05$). Penentuan nilai kekuatan ini diperoleh dengan berdasarkan maklumat dalam Jadual 2. Semua dimensi yang terdapat dalam persekitaran bahasa Arab menunjukkan hubungan yang signifikan positif pada kekuatan yang sederhana. Dimensi kesepaduan pelajar memberikan hubungan positif yang tertinggi berbanding dimensi lain dengan nilai $r=0.491$. Dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian Mohd Ayub et al. (2018) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kesepaduan pelajar dan sokongan guru terhadap penglibatan pelajar dalam mata pelajaran Matematik.

Dimensi kerjasama antara pelajar pula menunjukkan nilai $r=.489$, iaitu paling hampir dengan dimensi kesepaduan pelajar. Perkara ini menjelaskan bahawa dimensi yang melibatkan pelajar perlu diberikan perhatian yang paling optimum. Dimensi sikap pelajar berdasarkan tugas yang diberikan oleh guru pula menunjukkan hubungan positif dengan nilai $r=.479$. Dimensi penglibatan pelajar berada pada nilai $r=.475$, iaitu hampir dengan dapatan nilai hubungan yang diperoleh pada dimensi sikap pelajar. Penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran akan memberikan motivasi kepada mereka untuk menguasai kosa kata bahasa Arab dan menggunakannya dalam pelbagai keadaan (Asbullah & Sahrim, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa empat daripada enam dimensi persekitaran bahasa yang mempunyai hubungan signifikan dalam penguasaan kosa kata Arab melibatkan dimensi pelajar. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa penguasaan kosa kata Arab boleh ditingkatkan menerusi pemantapan aktiviti keterlibatan pelajar, dan hal ini selari dengan dapatan beberapa kajian terdahulu seperti Asbullah dan Sahrim (2019), Fernandez dan Schmitt (2015), serta Macis dan Schmitt (2017).

Bagi dimensi layanan adil guru ($r=0.436$) dan dimensi sokongan guru ($r=.389$), nilai hubungan merupakan antara skor yang terendah jika dibandingkan dengan dimensi yang lain. Dapatan ini didapati tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Jenita (2021). Dapatan kajian beliau menunjukkan hubungan yang berlaku

dalam pemboleh ubah adalah tidak kuat, namun masih menunjukkan hubungan yang signifikan positif. Keadaan ini menjelaskan bahawa sebarang perubahan yang berlaku dalam ruang persekitaran pembelajaran bahasa berkemungkinan dapat mengubah kemampuan pelajar dalam kemahiran berkomunikasi, kesan daripada penguasaan kosa kata.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa persekitaran bahasa berfungsi dan memainkan peranan secara positif bagi meningkatkan penguasaan kosa kata Arab. Hubungan yang berlaku antara dua pemboleh ubah kajian memberikan kesan positif terhadap komunikasi antara tenaga pengajar dengan pelajar itu sendiri. Pandangan ini selari dengan pernyataan Abdul dan Maat (2019) dan Rosli (2021) yang menyatakan aspek persekitaran bahasa ialah asas utama dalam aktiviti berbahasa dan kesannya dilihat mempengaruhi gaya pemikiran pelajar serta mengembangkan pemikiran positif pelajar. Dalam aspek penguasaan ruang persekitaran pula, pelajar yang dapat berinteraksi dengan baik, bertanggungjawab, dapat mengatasi pelbagai masalah, dan menyempurnakan tugas yang diberikan boleh ditafsirkan sebagai kumpulan pelajar yang mudah mencapai kepuasan ketika belajar. Ruang persekitaran pembelajaran yang baik turut dapat meningkatkan minat pelajar untuk terlibat sama dalam setiap penganjuran aktiviti di sekolah (Yusof et al., 2017) kerana keyakinan dan kompetensi seorang pelajar dapat dibentuk melalui pembentukan ruang persekitaran pembelajaran bahasa yang menarik.

Sumbangan Persekitaran Bahasa Arab terhadap Penguasaan Kosa Kata Arab

Bagi menjawab persoalan dan objektif kajian seterusnya, data dianalisis secara inferens dengan menggunakan ujian statistik regresi linear berganda setelah semua andaian *normality* dan *linearity* dipenuhi. Analisis ini dijalankan untuk meramal faktor yang mempengaruhi atau menyumbang kepada penguasaan kosa kata Arab pelajar. Dapatan analisis kajian menggunakan *method enter* dan dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Sumbangan Persekitaran Bahasa Arab Terhadap Penguasaan Kosa Kata Arab

Dimensi	B	Std. Error	Beta	t	Sig.	Sumbangan %
(Constant)	16.758	3.710		4.517	0.001	
Kesepaduan Pelajar	3.112	1.330	0.715	2.340	0.020	8.57
Sokongan Guru	0.162	1.242	0.009	0.130	0.896	0.34
Penglibatan Pelajar	2.778	1.257	0.156	2.209	0.028	7.39
Sikap Pelajar Berorientasikan Tugas	2.565	1.217	0.152	2.107	0.036	7.28
Kerjasama antara Pelajar	2.211	1.425	0.126	1.551	0.122	6.18

Layanan Adil Guru	0.496	1.330	0.028	0.373	0.710	1.24
$R^2 = 0.310, F(6, 328) = 24.594, Sig. = 0.001$						

Dapatan kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 menunjukkan persekitaran bahasa Arab secara keseluruhannya memberikan sumbangan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar. Peratus varian sumbangan pemboleh ubah peramal terhadap pemboleh ubah kriteria adalah sebanyak 31%. Sejalan dengan kenyataan Pallant (2011), berkemungkinan besar baki peratus sebanyak 69% diperoleh daripada faktor lain yang tidak dilibatkan dalam kajian ini.

Penelitian seterusnya ialah hasil analisis yang diperoleh melibatkan enam dimensi yang terdapat dalam persekitaran bahasa Arab. Hanya tiga dimensi memberi sumbangan yang signifikan terhadap perubahan penguasaan kosa kata Arab pelajar, iaitu kesepaduan pelajar (8.57%), penglibatan pelajar (7.39%) dan sikap pelajar berorientasikan tugas (7.28%). Dimensi yang lain tidak memberikan sumbangan secara signifikan terhadap penguasaan kosa kata Arab pelajar, iaitu sokongan guru (0.34%), kerjasama antara pelajar (6.18%) dan layanan adil guru (1.24%). Hasil dapatan ini didapati selari dengan dapatan kajian Mohd Ayub et al. (2018) yang menunjukkan pemboleh ubah peramal dimensi kesepaduan pelajar memberikan sumbangan tertinggi terhadap penglibatan pelajar dalam mata pelajaran Matematik.

Dapatan kajian juga menjelaskan bahawa persekitaran bahasa Arab melalui kesepaduan pelajar merupakan aspek utama yang menjadi penentu kepada tahap penguasaan kosa kata Arab pelajar dalam pembelajaran bahasa. Sementara itu, dapatan kajian ini disokong oleh teori sosiobudaya yang memberikan penekanan terhadap seseorang individu agar sentiasa bersosial kerana ia menjadi mediator kepada proses perkembangan manusia. Hal ini dinyatakan demikian kerana dimensi kesepaduan pelajar dan kerjasama antara pelajar membolehkan mereka memperoleh nilai budaya, kepercayaan dan cara menyelesaikan masalah dengan baik (McLeod et al., 2019). Pada masa yang sama, dimensi penglibatan pelajar dan sikap pelajar berorientasikan tugas dalam kajian ini turut memberikan sumbangan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata Arab pelajar. Perkara ini menjelaskan bahawa para pelajar SAM menunjukkan minat, daya usaha, sabar, serta melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran bahasa dengan menyempurnakan setiap tugas yang diberikan walaupun Bahasa Arab dianggap sebagai mata pelajaran yang susah. Tanggapan ini perlu dikesampingkan terlebih dahulu bagi memastikan pelajar berasa selesa, seronok dan mudah mempelajari bahasa Arab. Keselesaan pelajar dalam pembelajaran bahasa akan membantu meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran bahasa, sekali gus implikasinya dapat dilihat pada aspek penguasaan kosa kata mereka. Dapatan kajian juga menjelaskan bahawa dimensi kesepaduan pelajar, penglibatan pelajar dan sikap pelajar merupakan dimensi yang memberikan sumbangan signifikan terhadap penguasaan kosa kata.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pelajar seharusnya diberikan autonomi serta kebebasan dalam menentukan strategi pembelajaran kosa kata Arab yang berkesan. Pernyataan ini selari dengan

pandangan Schmitt (2014), iaitu pelajar perlu diberikan autonomi yang lebih dalam merancang strategi pembelajaran kosa kata, sementara guru hanya berperanan sebagai pemudah cara. Di samping itu, guru berupaya memperoleh maklumat tambahan hasil daripada strategi pembelajaran yang diaplikasikan oleh para pelajar. Dapatan kajian ini juga mencadangkan kepada guru supaya melatih pelajar mereka menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang tepat dan sesuai dengan kecenderungan mereka. Guru juga perlu memberikan penjelasan kepada para pelajar tentang manfaat yang bakal pelajar peroleh, hasil penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang berkesan.

Kesimpulan

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan dan sumbangan persekitaran bahasa Arab dan penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar tingkatan empat Sekolah Agama Menengah di negeri Selangor. Kajian ini menjelaskan bahawa aspek persekitaran bahasa Arab di sekolah merupakan pemboleh ubah yang baik dalam menentukan penguasaan kosa kata Arab pelajar di SAM melalui kajian tinjauan secara keratan rentas (cross sectional). Kajian ini juga telah mengemukakan satu anjakan paradigma dalam usaha meningkatkan kemahiran dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran kosa kata menerusi persekitaran bahasa yang lengkap dalam konteks situasi, budaya dan suasana persekitaran pembelajaran pelajar. Kajian ini turut mendedahkan maklumat persekitaran bahasa Arab berdasarkan enam dimensi persekitaran psikososial. Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran bahasa Arab dan penguasaan kosa kata Arab pelajar, manakala hanya tiga dimensi yang memberi sumbangan signifikan terhadap perubahan penguasaan kosa kata Arab pelajar, iaitu kesepaduan pelajar, penglibatan pelajar dan sikap pelajar berorientasikan tugas. Kajian ini mengukuhkan teori dan model yang digunakan, iaitu teori persekitaran bahasa diperluas kepada pemboleh ubah kosa kata. Kajian ini juga memberi sumbangan yang signifikan terhadap kepentingan untuk membentuk autonomi pelajar dalam membangunkan persekitaran bahasa yang baik. Justeru, kajian lanjutan perlu memberi fokus bagi mengoptimalkan dimensi pelajar, iaitu menerusi autonomi pelajar yang didapati memberi impak langsung kepada penguasaan kosa kata Arab. Selain itu, kajian ini dicadangkan untuk diterokai menggunakan analisis yang lebih terperinci menerusi analisis Model Persamaan Berstruktur (SEM) untuk membantu membentuk model dan menganalisis hubungan antara variabel kajian secara serentak dengan lebih afektif, tepat dan efisien (Awang, 2012).

Rujukan

- Abdul, N. S., & Maat, S. M. (2019). Pengaruh persekitaran pembelajaran terhadap kesedaran metakognitif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education and Pedagogy*, 1(1), 12-21.
- Abu Hasim, N., Adnan, N. H., Suhaini, N., & Izhar, N. I. (2020). Pengaruh persekitaran dalam penggunaan strategi memori kosa kata pelajar KUIM. *Jurnal Kesidang*,

5(1978), 1-9.

- Aflisia, N., & Harahap, P. (2019). Eksistensi bi'ah lughawiyah sebagai media berbahasa Arab dalam meningkatkan kemampuan muhadatsah mahasiswa Prodi Pendidikan Bahasa Arab di IAIN CURUP. *Jurnal of Arabic Learning and Teaching*, 8(1), 40-55. <https://doi.org/10.15294/LA.V8i1.32545>
- Ahmed, S. A., Othman, B. J., Gardi, B., Sabir, B. Y., Ismael, N. B., Hamza, P. A., Sorguli, S., Mahmood, H., Ali, B. J., & Anwar, G. (2021). Students' attitudes towards learning English in the Kurdistan region of Iraq. *International Journal of English Literature and Social Sciences*, 6(3), 72-87. <https://doi.org/10.22161/ijels>
- Ahmid, M. H., Abdullah, M. K., & Johari, K. (2018). Pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(3), 136-147. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i3.99>
- Al Naqah, M. K. (1985). *Ta'lim Al-Lughat Al-Arabiyyah Linnatiqina Biha*. Universiti Ummul Qura.
- Anwar, K. (2017). Analyzing the conceptual model of service quality and its relationship with guest's satisfaction: A study of hotel in Erbil. *The International Journal of Accounting and Business Society*, 25(2), 1-16. <https://doi.org/10.21776/ub.ijabs.2017.25.2.01>
- Asbullah, L. H., & Sahrim, M. (2019). Strategi pembelajaran kolokasi Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Universiti Awam Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 19(2), 139-159. <https://doi.org/10.17576/gema-2019-1902-09>
- Awang, Z. (2012). *Structural equation modeling using Amos graphic*. Penerbit Universiti Teknologi MARA.
- Baharudin, H. (2014). *Strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharudin, H. & Ismail, Z. (2016). *Konsep dan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharudin, H., Ismail, Z. & Nik Yusoff, N. M. R. (2017). Pembinaan ujian tahap saiz kosa kata Arab. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 13-19.
- Ballman, T., Liskin-Gasparro, J., & Mandell, P. B. (2001). *The communicative classroom*. Heinle & Heinle/ Thomson Learning.
- Blake, R. J. (2008). *Brave new digital classrooms: Technology and foreign language learning*. Georgetown University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1992). *Ecological systems theory*. Jessica Kingsley Publishers.
- Carrol, M. T. (1989). *Critical thinking: Promoting it in the classroom*. ERIC Clearinghouse.
- Chapelle, C. A. (1994). Are C-Test valid measures for L2 vocabulary research? *Second Language Research* (10), 157-187.
- Che Ahmad, C. N. (2011). *Aspek fizikal dan psikososial dalam persekitaran pembelajaran makmal sains*. [Doctoral Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Che Mat, A., & Goh, Y. S., (2010). Situasi pembelajaran bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2), 9-21.

- Chee, T. T., & Abdullah, M. S. (2021). Kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 24-33.
- Dorman, J. P., & Fraser, B. J. (2009). Psychosocial environment and affective outcomes in technology-rich classrooms: Testing a causal model. *Social Psychology of Education*, 12(1), 77-99. <https://doi.org/10.1007/s11218-008-9069-8>
- Fatdha, S. E., & Wahyuni, D. S. (2018). Rancangan multimedia interaktif untuk penguasaan vocabulary bahasa Inggeris. *Jurnal Teknologi dan Open Source*, 1(2), 75-82.
- Febriani, S. R. (2020). Acquisition of Arabic language based on Stephen Krashen's theory in the Arabic camp activities. *El-Ibtikar*, 9(2), 82-95.
- Fernandez, B. G., & Schmitt, N. (2015). *How much collocation knowledge do L2 leaners have? The effect of frequency and amount of exposure*. *International Journal of Applied Linguistics*, 94-126.
- Fraser, B. J. (1991). Two decades of classroom environment research. In B. J. Fraser & H. J. Walberg (Eds.), *Educational environments: Evaluation, antecedents and consequences* (pp. 3-27). Pergamon Press.
- Fraser, B. J., & Seng, K. H. (2008). Using classroom psychosocial environment in the evaluation of adult computer application courses in Singapore. *Technology, Pedagogy and Education*, 17(1), 67-81. <https://doi.org/10.1080/14759390701847518>
- Gage, N.L., & Berliner, D.C. (1984). *Educational psychology* (3rd ed.). Houghton Mifflin.
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (7th ed.). Prentice Hall.
- Guy-Evans, O. (2020). *Bronfenbrenner's ecological systems theory*. Simply Psychology. <https://www.simplypsychology.org/bronfenbrenner.html>
- Husain, N. S., & Mohamad, N. (2020). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda bahasa Arab komunikasi professional, UiTM. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(2), 38-62.
- Jackson, S. L. (2012). *Research methods and statistics: A critical thinking approach*. Wadsworth, Cengage Learning.
- Jenita, A. (2021). Al-'alaqah bayna al-lughawiah wa maharat kalam al-thullab (*The relationship between the language environment and students' speech skill in secondary school*). *Lisanan Arabiya: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 5(1), 71-88.
- Kataw, Y. (2016). Teaching Arabic as foreign language: The role of communicative competence, pragmatics and literacy. [Master's Thesis, Utah State University]. <https://doi.org/10.26076/f343-1fc4>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah*. Putrajaya.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. <https://doi.org/10.1177/0013164407003000308>
- Kusuma, A. W. (2018). Meningkatkan kerjasama siswa dengan metode Jigsaw dalam bimbingan klasikal. *KONSELOR*, 7(1), 26-30. <https://doi.org/10.24036/02018718458-0-00>

- Lei, H., Cui, Y., & Zhou, W. (2018). Relationships between student engagement and academic achievement: A meta-analysis. *Social Behaviour and Personality*, 46(3), 517-528. <https://doi.org/10.2224/sbp.7054>
- Lippard, C. N., La, K. M., Heather, P., & Crosby, D. A. (2017). A closer look at teacher – child relationships and classroom emotional context in preschool. *Child & Youth Care Forum*, 47(1), 1-21. <https://doi.org/10.1007/s10566-017-9414-1>
- Macis, M., & Schmitt, N. (2017). Not just ‘small potatoes’: Knowledge of the idiomatic meaning of collocation. *Language Teaching Research*, 21(3), 321-340. <https://doi.org/10.1177/136216881664595>
- Mcleod, S., Wearden, A., Berry, K., & Hodgson, C. (2019). Attachment and social support in romantic dyads: A systematic review. *Journal of Clinical Psychology*, 1-43. <https://doi.org/10.1002/jclp.22868>
- Mohamad Maskor, M. Z., & Baharudin, H. (2020). *Pengetahuan kosa kata Arab dalam kemahiran menulis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ayub, A. F., Md. Yunus, A. S., & Mahmud, R. (2018). Pengaruh guru, rakan sebaya dan sokongan keluarga terhadap keterlibatan matematik dalam kalangan murid sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 8(1), 1-12.
- Muhd Zulkifli, N. Z., Wan Mohamad, W. M. R., Surat, S., & Badusah, J. (2019). Aspek budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 121-131.
- Nahar, N., & Abd. Rahman, F. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 74-83.
- Nation, P. (2001). *Learning vocabulary in another language*. Cambridge University Press.
- Ng, X. J., & Wan Mohammad, W. M. R. (2019). Faktor ekstralinguistik dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam murid warga asing di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *International Conference of Future Education and Advanced*, 418-427.
- Ngalawi, A. C., & Zainal, H. (2020). Kajian literatur saiz kosa kata Arab di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 157-169.
- Noor Su'adah, M. Z., & Zalinah, M. (2013). *Peranan ibu bapa membantu meningkatkan kecemerlangan akademik anak-anak*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Norashikin, A. B., Ramli, B., & Foo, S. F. (2015). Hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 78-91.
- Nurlaila (2021). Pembentukan bi'ah lughawiyah dalam meningkatkan maharah kalam dan kitabah pada mahasiswa. *Al-Af'idah*, 5(1), 31-49. <https://doi.org/10.52266/al-afidah.v5i1.658>
- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS* (4th ed.). Allen & Unwin.
- Palmberg, R. (1987). Patterns of vocabulary development in foreign-language learners. *Studies in Second Language Acquisition*, 9(02), 201-219.

<https://doi.org/10.1017/s0272263100000474>

- Rosli, F. H. (2021). *Bi'ah lughawiyah dan keterlibatan pelajar SABK negeri Selangor dalam pembelajaran bahasa Arab*. [Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Rosli, F. H., Baharudin, H., & Rani, N., (2022). Persekitaran bahasa dan keterlibatan pelajar SABK Selangor dalam Pembelajaran bahasa Arab. *Akademika 92 (Isu Khas)*, 151-162.
- Ryding, K. (2013). *Teaching and learning Arabic as a foreign language: A guide for teachers*. Georgetown University Press.
- Schmitt, N. (2014). Size and depth of vocabulary knowledge: What the research shows. *Language Learning*, 64(4), 913-951. <https://doi.org/10.1111/lang.12077>
- Shidqi, M. H., & Mudinillah, A. (2021). Pembelajaran bahasa Arab dengan memanfaatkan lingkungan berbahasa bagi mahasiswa di perguruan tinggi. *Journal Education and Development*, 9(3), 170-176. <https://doi.org/10.37081/ed.v9i3.2807>
- Shobirin, A. (2021). Korelasi antara penguasaan mufradat, bi'ah lughawiyah dan maharah al-kalam santri al-izzah leadership school batu. *Journal of Arabic Language, Literature and Education*, 2(2), 50-62. <https://doi.org/10.37680/aphorisme.v2i2.976>
- Sidik, I. F., Awang, M. M., & Ahmad, A., R. (2019). Teacher's support and student involvement in learning activities on enhancing student academic achievement. *The Journal of Social Sciences Research*, 5(7), 1167-1175.
- Sidik, I. F., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2018). Sokongan persekitaran sosial di pelbagai jenis sekolah menengah dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1), 67-76.
- Slavin, R. E. (1987). Cooperative learning and the cooperative school. *Educational Leadership* 45(3), 7-13.
- Toiemah, R. A. (1989). *Ta'lim al-Lughat al-'Arabiah li Ghayr al-Natiqin biha Manahijuhu wa Asalibihu (Teaching Arabic to non-native speakers: Curricula and methods)*. Al-Munazamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-'Ulum wa al-Thaqafah (ISESCO).
- VanPatten, B., & Benati, A. G. (2015). *Key terms in second language acquisition* (2nd ed.). Bloomsbur.
- Vellymalay, S. K. N. (2016). Keberkesanan hubungan guru kelas murid dalam merangsang kesedaran terhadap integrasi etnik dalam kalangan murid di bilik darjah. *Jurnal Ilmi*, 6, 69-88.
- Vygotsky, L., & Cole, M. (1978). *Mind in society: Development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Wahab, U. A., Taib, M., & Asbullah, L. H. (2021). Saiz kosa kata dan pengetahuan kolokasi Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Issues in Language Studies*, 10 (1), 183-202. <https://doi.org/10.33736/ils.2794.2021>
- Warseto, A., Wijayanti, H. N., & Edi Setyawan, C. (2019). Pandangan Stephen Krashen dalam pemerolehan bahasa dan implikasinya dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 1(1), 75-105. <https://doi.org/10.36668/jih.v2i1.213>

- Wibowo, I. S., & Farnisa, R. (2018). Hubungan peran guru dalam proses pembelajaran terhadap prestasi belajar siswa. *Jurnal Gentala Pendidikan Dasar*, 3(2), 181-202. <https://doi.org/10.22437/gentala.v3i1.6758>
- Wulandari, F. (2021). The students' perception of game in vocabulary learning. *English Language Studies and Applied Linguistics Journal*, 1(2), 1-9.
- Yusof, C. M. Z. (2018). *Bi'ah Lughawiyyah dalam pembelajaran bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia*. [Doctoral Thesis, Universiti Malaya].
- Yusof, C. M. Z., Ismail, Z., Ibrahim, M., Jarrah, A., Ab, M. R., Othman, M. A., & Salleh, W. (2019). Bi'ah lughawiyyah dan pencapaian pelajar di Universiti Awam Malaysia: Peranan sikap pelajar sebagai mediator. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 70-100. <https://doi.org/10.24200/jouns.vol4iss2pp70-100>
- Yusof, F., Alias, A., Mustaffa, F., Kamarul Arifain, S. M., & Mustafar, F. W. (2017). Penguasaan persekitaran terhadap kepuasan kokurikulum dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Melaka International Conference on Social Sciences (MELICOSS'17)*.
- Zakaria, N., Rauf, A., & Farhan, N. (2019). Penguasaan penulisan karangan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu melalui penggunaan imitasi. *Jurnal Linguistik*, 23(2), 13-20.